KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	6 bulan tempoh siapkan kajian penubuhan Hospital MARA, gembleng tenaga pakar perubatan, 'anak MARA' - Asyraf Wajdi
PAUTAN	https://shorturl.at/dWxdP

6 bulan tempoh siapkan kajian penubuhan Hospital MARA, gembleng tenaga pakar perubatan, 'anak MARA' - Asyraf Wajdi

Oleh Iman Nurain Abdullah - Oktober 22, 2026 @ 12:42pm



Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki. - NSTP/ Hairul Anuar Rahim

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

KUALA LUMPUR: Pengurusan Majlis Amanah Rakyat (MARA) diberi tempoh maksimum enam bulan bagi menyiapkan kajian penubuhan Hospital MARA dengan menggembleng tenaga pakar perubatan dan bekas 'anak MARA' dalam sektor kesihatan.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata sudah tiba masanya MARA melangkah lebih jauh mengambil kira kejayaan MARA melahirkan ribuan doktor, jururawat, ahli farmasi dan profesional kesihatan Bumiputera selama tempoh 60 tahun kebelakangan ini.

"Selama 60 tahun, MARA berjaya melahirkan ribuan doktor, jururawat, ahli farmasi dan profesional kesihatan Bumiputera.

"Kini sudah tiba masanya MARA melangkah lebih jauh bukan sekadar melahirkan tenaga profesional untuk berkhidmat dalam industri kesihatan, tetapi membina dan memiliki institusi kesihatan sendiri yang mampu menerajui industri tersebut," katanya melalui muat naik di Facebook.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	MARA diberi enam bulan siapkan kajian penubuhan Hospital MARA - Asyraf Wajdi
PAUTAN	https://shorturl.at/nbkei

AM > BERITA

MARA Diberi Enam Bulan Siapkan Kajian Penubuhan Hospital MARA - Asyraf Wajdi

22/10/2026 08:50 PM



KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Pengurusan Majlis Amanah Rakyat (MARA) diberi tempoh maksimum enam bulan untuk menyiapkan kajian penubuhan Hospital MARA, kata pengerusinya Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Beliau berkata kajian itu akan dilaksanakan dengan menggembleng tenaga pakar perubatan serta lepasan institusi berkenaan dalam bidang kesihatan.

Cadangan itu, menurut beliau berpotensi mencipta ekosistem baharu yang menghubungkan pendidikan perubatan, latihan kepakaran, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), teknologi, penyelidikan serta keusahawanan dalam rantaian nilai ekonomi lengkap.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Jambatan gantung kampung Orang Asli dihanyut kepala air
PAUTAN	https://tinyurl.com/43r5akje

Jambatan gantung kampung Orang Asli dihanyut kepala air

GUA MUSANG: Lebih 100 penduduk Orang Asli di Kampung Brooke Lama, Pos Brooke di sini, terputus jalan perhubungan utama apabila jambatan gantung yang merentasi Sungai Belatop dihanyutkan kepala air, petang semalam.

Penghulu Kampung Brooke Lama, Rian Bujang berkata, hujan kira-kira pukul 4 petang sebelum paras air sungai meningkat dan arus menjadi deras.

Katanya, penduduk menyedari kejadian kepala air yang membawa arus deras sehingga menghanyutkan struktur jambatan gantung berkenaan.

"Kejadian itu menyebabkan penduduk hilang laluan utama untuk berulang-alik ke kawasan luar bagi urusan harian dan perlu menggunakan laluan alternatif yang lebih jauh.

"Sebahagian penduduk terpaksa berlindung di Dewan Terbuka Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Pos Brooke manakala yang lain berada di rumah masing-masing selepas kejadian itu. Tiang konkrit jambatan berkenaan dipercayai turut patah akibat dihanyutkan arus deras," katanya di sini.

Rian berkata, jambatan gantung itu pernah dibaik pulih lebih dua tahun lalu selepas mendapat perhatian Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi susulan laporan media mengenai kesengsaraan penduduk Orang Asli yang terpaksa menggunakan jambatan uzur sebelum ini.

Katanya, jambatan itu adalah kemudahan penting bagi penduduk untuk mendapatkan bekalan keperluan asas, menghantar anak ke sekolah dan mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Pos Brooke.



KEADAAN jambatan gantung yang dihanyutkan kepala air di Kampung Brooke Lama, Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan. - IHSAN PENDUDUK

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Hospital MARA: tempoh maksimum 6 bulan buat kajian
PAUTAN	https://tinyurl.com/2rdkxzxd

Hospital MARA: Tempoh maksimum 6 bulan buat kajian

Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat (MARA) diberi tempoh maksimum enam bulan untuk menyiapkan kajian menyeluruh berhubung cadangan penubuhan Hospital MARA.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata kajian berkenaan akan dilaksanakan dengan menggerakkan kepakaran dalam kalangan profesional perubatan dan bekas pelajar institusi terbabit yang mempunyai pengalaman dalam sektor berkenaan.



Pengurusan MARA diberi tempoh maksimum enam bulan untuk menyiapkan kajian penubuhan Hospital MARA"

Dr Asyraf Wajdi

"Pengurusan MARA diberi tempoh maksimum enam bulan untuk menyiapkan kajian penubuhan Hospital MARA dengan menggembleng tenaga pakar perubatan dan bekas anak MARA dalam sektor kesihatan," katanya dalam satu hantaran dalam laman sosial miliknya, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan cadangan penubuhan Hospital MARA itu masih di peringkat penilaian dan kajian, dengan MARA sudah menubuhkan pasukan khas diketuai Timbalan Ketua Pengarah MARA bagi meneliti keseluruhan aspek berkaitan.

Di samping itu, menurut Dr Asyraf Wajdi lagi, ekosistem kesihatan MARA turut merangkumi rangkaian UNI Klinik, UNI Farmasi dan UNI Dental yang kini mempunyai kira-kira 160 cawangan dan dijangka meningkat kepada 200 menjelang penghujung tahun ini.